

# Harapan baharu petani kecil

**U**SAHA yang dilaksanakan oleh UPM dan Lembaga Lada Hitam Malaysia (LLHM) ini telah disambut baik oleh masyarakat di Bumi Kenyalang berikutan lada hitam merupakan antara tanaman utama di negeri itu, sekali gus menjadi punca pendapatan penduduk setempat.

Selain usaha meningkatkan keluasan kawasan penanaman lada hitam menerusi kegiatan menarik minat petani serta bakal petani, pengisian ilmu kemahiran tanaman dan penanaman serta usaha pemodenan ladang lada hitam selain kesedaran tentang risiko juga amat penting bagi mencapai kelestarian produktiviti lada hitam.

Beberapa amalan dan teknologi baharu juga akan diperkenalkan kepada petani-petani lada hitam hasil daripada penemuan para penyelidik.

Antara isu penting penanaman lada hitam dan pengeluarannya adalah amalan pembajaan seimbang yang boleh memenuhi keperluan produktiviti lada.

Ilmu pembajaan tanaman yang tepat mengikut keperluan tanaman boleh mengelakkan risiko kerugian dan kemerosotan kesuburan tanah.

Menurut salah seorang peserta Program *Sarawak Pepper Farm @ UPM*, **Brodi Brina**, 29, menerusi penyertaannya dalam program itu, ia memberikannya lebih harapan untuk berjaya lebih-lebih lagi sebagai seorang petani kecil sepertinya.

“Program ini banyak memberi ilmu bermanfaat kepada saya untuk berjaya dalam bidang ini kerana saya dapat belajar lebih mendalam dan mengamalkan kaedah-kaedah yang lebih betul dalam penanaman lada hitam.

“Sebagai contoh, menerusi formulasi dan kaedah pembajaan baharu yang bakal diperkenalkan bagi memenuhi keperluan nutrien tanaman lada akan membantu kami untuk mendapatkan hasil yang lebih tinggi,” ujarnya.

Sementara itu, seorang lagi peserta program, **Dominic**

**Ritay**, 66, berkata, usaha yang dilakukan oleh UPM dan LLHM itu sangat baik kerana Sarawak merupakan antara pengeluar lada hitam terbaik di dunia.

“Boleh dikatakan hampir kebanyakan petani lada hitam menanam tanaman ini secara membuta tuli tanpa ilmu yang betul.

“Jadi diharapkan dengan adanya program sebegini, ia dapat memperbaiki kaedah penanaman kepada yang lebih baik, sekali gus memberi peluang kepada komuniti untuk mendapatkan hasil terbaik,” katanya.

Selain daripada itu, program ini juga memberi tumpuan

kepada usaha teknologi hiliran yang dapat membantu dalam aspek sains dan teknikal penuaian serta pemprosesan.

Dalam masa yang sama, pembangunan potensi lada hitam dan produk berkaitannya turut diberi perhatian dan bagi memastikan kesejahteraan keseluruhan ekosistem penanaman serta pengeluaran lada hitam berada dalam tahap terbaik, dan dalam masa yang sama, aspek sosioekonomi juga tidak dilupakan.

Keperluan kepada pembangunan sosioekonomi para penanaman lada hitam akan dinilai dan diterjemahkan bagi mencari peluang kepada proses penambahbaikan demi memastikan usaha yang dilakukan ini mempunyai ciri kelangsungan hingga manfaatnya sampai kepada generasi seterusnya.



**BRODI BRINA**



**DOMINIC RITAY**